

DILEMA MAHATHIR



0.9595
ABJ

AB JALIL BACKER



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA

"Hari ini aura
Tun Dr Mahathir
Mohamad sebagai
pemimpin
masyarakat Islam
dan orang Melayu
telah beransur-ansur
pudar. Jika tidak
diuruskan
dengan baik,
sejarah mungkin akan
menghakimi
beliau dengan
kejam kali ini."



25 11 20
M35 00

Dilema Mahathir



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA


Dilema Mahathir

Oleh

AB JALIL BACKER



PUSTAKA PERDANA



1013171

Cetakan Pertama 2019
© Khutubkata 2019

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Khutub Kata Resources, No. 33, Jalan BM 5/15, Seksyen 5, Bandar Bukit Mahkota, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan oleh:

Khutubkata Resources
No.33 Jalan BM 5/15 Seksyen 5
Bandar Bukit Mahkota
43000 Kajang

Perpustakaan Negara Malaysia
Penerbitan

Data Pengkatalogan-dalam-

Ab Jalil Backer;
Langit Terbuka; Sinar Harian
Dilema Mahathir
ISBN 978-967-17646-1-9

Dicetak oleh

Future Design Studio [002857635-U]
A-G-1, Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan

Kepada isteri dan anak-anak...

(diléma)

Merupakan keadaan pemikiran seseorang yang berhadapan pelbagai kemungkinan dalam membuat pilihan-pilihan yang ada di hadapannya.

Peribahasa Melayu mengungkapkan keadaan ini sebagai 'diluah mati emak, ditelan mati bapa'.

Kandungan



01 POLITIK

| | |
|---|----|
| 1. FAKTOR MAHATHIR DALAM PRU | 2 |
| 2. REALITI BUAT MAHATHIR | 7 |
| DILEMA MAHATHIR Sinar Harian 7 Januari 2019 | 12 |
| DILEMA MAHATHIR (II) Sinar Harian 14 Januari 2019 | 16 |
| DILEMA MAHATHIR (III) Sinar Harian 21 Januari 2019 | 20 |
| PILIHAN RAYA UMUM 14 TIDAK SAH? Sinar Harian 28 Januari 2019 | 24 |
| BAHASA DI MULUT ORANG POLITIK Sinar Harian 11 Februari 2019 | 28 |
| NAJIB: FENOMENA MAMPAN ATAU BEBANAN Sinar Harian 18 Februari 2019 | 33 |
| TOL: BILA MENEPUK AIR DI DULANG Sinar Harian 4 Mac 2019 | 37 |
| BILA DAP ANGGAP "PERANG" Sinar Harian 11 Mac 2019 | 41 |
| TERCONTENG ARANG DI WAJAH KEHAKIMAN NEGARA Sinar Harian 18 Mac 2019 | 45 |
| STATUT ROM, RAJA DAN KERAJAAN Sinar Harian 29 April 2019 | 49 |
| DAP MERASAI 'RACUN' SENDIRI Sinar Harian 13 Mei 2019 | 53 |
| AGENDA UNDI PADA USIA 18 TAHUN Sinar Harian 20 Mei 2019 | 57 |

| | |
|--|-----|
| KONTROVERSI DAN MISTERI SPRM | |
| Sinar Harian 10 Jun 2019 | 61 |
| MENCARI KEADILAN UNTUK ADIB | |
| Sinar Harian 24 Jun 2019 | 65 |
| BILA PENERBANGAN TERTUNDA | |
| Sinar Harian 1 Julai 2019 | 69 |
| KEADILAN DALAM NERACA POLITIK | |
| Sinar Harian 15 Julai 2019 | 73 |
| POLITIK HAD UMUR MENGUNDI | |
| Sinar Harian 22 Julai 2019 | 77 |
| DAULAH TERPENDAM 'BOOGEYMAN' TERBAHARU PH | |
| Sinar Harian 5 Ogos 2019 | 81 |
| BILA TIKUS MENANG PILIHAN RAYA | |
| Sinar Harian 15 Oktober 2018 | 85 |
| ROSAK BAWANG DITIMPA JAMBAK | |
| Sinar Harian 26 November 2018 | 89 |
| ADA APA DENGAN SURAT KEPADA CIA? | |
| Sinar Harian 6 Ogos 2018 | 93 |
| CERTOT DAN SEKOLAH CINA | |
| Sinar Harian 3 September 2018 | 97 |
| IKTIRAF UEC, KHIANAT KEPADA NEGARA | |
| Sinar Harian 16 Julai 2018 | 101 |
| 02 EKONOMI | |
| MYSALAM SKIM CEPAT KAYA LUAR BIASA | |
| Sinar Harian 19 Ogos 2019 | 106 |
| MYSALAM: MOF PERLU LEBIH TELUS | |
| Sinar Harian 26 Ogos 2019 | 111 |
| FELDA: ANTARA IHSAN DAN TIADA PERASAAN | |
| Sinar Harian 15 April 2019 | 115 |
| MITOS ECRL TERBONGKAR | |
| Sinar Harian 22 April 2019 | 119 |

MEMPERINCIKAN MITOS BANDAR MALAYSIA

Sinar Harian| 6 Mei 2019 123

EKONOMI MENANG SORAK

Sinar Harian| 27 Mei 2019 127

DÉJÀ VU 1998?

Sinar Harian| 4 Jun 2018 131

SEBAB MULUT LEHER TERJERAT

Sinar Harian| 22 Oktober 2018 135

MATINYA ANGSA BERTELUR EMAS ITU!

Sinar Harian| 29 Oktober 2018 139

MISTERI BON SAMURAI

Sinar Harian| 12 November 2018 143

MENJUAL KEKAYAAN NEGARA?

Sinar Harian| 10 Disember 2018 147

03 ISLAM

LIBERALIS AGAMA MENANGGUK DI AIR KERUH

Sinar Harian| 25 Mac 2019 154

KISAH TABUNG HAJI BUKAN 'APRIL FOOL'

Sinar Harian| 1 April 2019 158

ANCAMAN FENOMENA PLURALISME

Sinar Harian| 3 Jun 2019 162

MEREMEHKAN PANDANGAN AGAMA

Sinar Harian| 17 Jun 2019 166

JANGAN BURUKKAN ISLAM DEMI POLITIK

Sinar Harian| Jun 2018 170

MISTERI PENARIKAN TENTERA DI ARAB SAUDI

Sinar Harian| Julai 2018 173



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA

Prakata

Dilema Mahathir merupakan kumpulan artikel terpilih pasca Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). Sebahagian besarnya telah tersiar dalam kolum 'Langit Terbuka' terbitan akhbar Sinar Harian setiap Isnin. Bagaimanapun sebahagian artikel melalui proses penambahan dan penambahbaikan bagi meningkatkan ekspresi sesuatu isu yang agak terhad dalam kolum akhbar.

Catatan-catatan ini bukanlah bersifat analisis sains politik yang menghurai dilema dalaman Tun Dr Mahathir Mohamad. Ia lebih merupakan pemerhatian dan kritikan terhadap pentadbiran kerajaan hari ini.

Kelemahan dan kegagalan dalam pentadbiran negara hari ini adalah satu dilema kepada "*Maverick Mahathir*" yang sebelum ini terkenal sebagai Perdana Menteri terulung, negarawan terhebat dan ahli politik luar biasa.

Hari ini Mahathir memimpin satu pentadbiran yang gagal menunaikan manifesto, berbalah sesama sendiri dan lebih banyak berpolitik berbanding bekerja sebagai satu pasukan. Mahathir sudah hilang aura seorang negarawan dan pemimpin umat Islam.

Mahathir dalam dilema sama ada meneruskan gaya kepimpinan Perdana Menteri ke-4 yang dikagumi dan dihormati oleh rakyat dan dunia Islam. Atau menjadi Mahathir baharu yang diangkat sebagai adi wira masyarakat bukan Melayu dan liberalis Islam.

Dilema Mahathir adalah sama ada mahu mempertahankan *status quo* Melayu dan Islam; atau menjaga kepentingan peribadi dan kehendak sekutu-sekutu politik baharunya.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA

01 Politik

“Hari ini aura Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin masyarakat Islam dan orang Melayu telah beransur-ansur pudar. Jika tidak diuruskan dengan baik, sejarah mungkin akan menghakimi beliau dengan kejam kali ini.”

FAKTOR MAHATHIR DALAM PRU

Sejak 2008, undi bukan Bumiputera beralih secara besar-besaran kepada pembangkang yang diterajui Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Majoriti masyarakat Cina memberi sokongan kepada DAP, manakala masyarakat India menyokong Hindraf dan PKR.

Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad menentang kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam PRU-12 pada 2008 merupakan punca utama Barisan Nasional (BN) hilang majoriti 2/3. Pakatan Rakyat (PR) yang terdiri dari PAS, DAP dan PKR telah merampas Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah serta mengekalkan Kelantan.

Permintaan Mahathir supaya rakyat protes terhadap kepimpinan Abdullah menyebabkan berlaku 'swing' sebahagian undi Melayu terutama di kawasan bandar dan negeri kelahirannya Kedah.

Faktor Mahathir dalam PRU-12 bukanlah dongengan. Ini diakui sendiri oleh Presiden UMNO ketika itu yang menyatakan BN, khususnya UMNO, tewas di 14 kerusi parlimen dan 22 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana perbuatan sabotaj di kalangan ahli UMNO sendiri.

Menurut Abdullah tanpa sabotaj tersebut BN akan dapat mempertahankan penguasaan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat. Dalam PRU-12 tersebut BN mendapat 140 kerusi parlimen - kurang lapan kerusi untuk mendapatkan majoriti dua pertiga.

UMNO tewas di 31 kerusi Parlimen apabila hanya mampu mempertahankan 78 daripada 109 kerusi yang dimenangnya pada 2004. Manakala di peringkat DUN Abdullah menyatakan sabotaj dalam kalangan ahli-ahli UMNO di 22 kerusi DUN sebagai punca kekalahan Kedah dan Perak.

Ini menunjukkan pengaruh dan kekuatan Dr Mahathir begitu berakar umbi dalam UMNO dan perasaan orang Melayu sehinggakan mereka sanggup memberi sokongan kepada PR bagi menjayakan agenda Dr. Mahathir menjatuhkan Abdullah.

Momentum kemenangan ini telah memberi keyakinan kepada masyarakat Cina dan India untuk memberi sokongan lebih kuat kepada PR dalam PRU-13 (2013).

Di sebalik pelbagai pembaharuan dan keterbukaan Perdana Menteri Mohd Najib Razak sebaik mengambil alih pentadbiran, BN hanya mendapat 20.1% sokongan pengundi berbanding 79.9% oleh parti lawan di kawasan majoriti pengundi Cina.

Hal ini berbeza dengan UMNO yang berjaya meningkatkan jumlah kerusi Parlimennya dari 79 kepada 88 dan menarik tambahan sokongan pengundi sekitar 30% berbanding PRU-12.

Dengan Perdana Menteri baharu, Mohd Najib Razak, dan kembalinya Mahathir kepada UMNO, BN berjaya merampas semula Kedah dan Perak tetapi gagal mendapat majoriti 2/3.

Ketika ini ada faktor Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon Perdana Menteri untuk PR, ini sedikit sebanyak memberi keyakinan kepada rakyat yang mencari pilihan alternatif kepada BN.

PILIHAN RAYA UMUM KE-14

Senario dua pilihan raya umum lalu disedari oleh beberapa pemimpin DAP. Mereka sedar sokongan masyarakat Cina dan India yang begitu tinggi tidak akan dapat menterjemahkan hasrat menguasai Putrajaya.

PRU-13 adalah kemuncak sokongan Melayu kepada PR apabila Anwar Ibrahim dibawa sebagai calon Perdana Menteri.

Mereka telah mencuba dengan Anwar Ibrahim namun masih gagal. Justeru dengan Anwar didalam penjara, Pas mula menolak DAP, maka mustahil untuk pakatan pembangkang mengemukakan alternatif lebih baik daripada BN.

Realitinya majoriti pengundi Islam di negara ini tidak mempercayai kemampuan pemimpin Melayu di luar UMNO untuk menjaga kepentingan mereka. DAP menyedari isu ini.

Justeru pertelingkahan Mahathir dengan Mohd Najib memberi peluang besar kepada DAP. Parti itu melakukan langkah berani menawarkan Mahathir sebagai calon Perdana Menteri.

Dalam masa yang sama mereka memecahkan Pas dengan memberi galakan kepada Mohd Sabu menubuhkan Parti Amanah Negara (PAN).

Penamaan Mahathir ini telah menyebabkan sebahagian orang Islam mengambil mudah soal kepentingan Melayu dan Islam kerana mereka percaya kepada kepimpinan beliau.

Selama berpuluh tahun lamanya rakyat diindoktrinasikan dengan fahaman Mahathir adalah ultra Melayu yang memperkenalkan pelbagai dasar pro-bumiputera, mengasimilasikan Islam dalam pentadbiran negara dan diangkat sebagai tokoh besar negara Islam.

Bagi masyarakat Islam mustahil Mahathir akan mengkhianati perjuangan Melayu dan Islam. Penyokong-penyokong Mahathir sungguh pun benci DAP mendakwa tokoh ini mampu mengawal DAP.

Mahathir pula membawa sebahagian kepimpinan Melayu seperti Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tun Daim Zainuddin, Tan Sri Rafidah Aziz dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Barisan ini memberi keyakinan kepada rakyat bahawa Manifesto PH dapat dilaksanakan. Ia dikemukakan oleh Mahathir, bapa pemodenan dan pembangunan negara beserta sokongan para 'leftenan' ekonomi beliau selama dua dekad.

Saya agak kurang bersetuju dengan pandangan skandal 1MDB merupakan faktor utama kejatuhan BN.

Pada hemat saya berdasarkan penelitian di media sosial dan perbualan dengan kumpulan-kumpulan sasar tertentu, manifesto PH yang dibawa oleh Mahathir sangat menarik minat rakyat terutamanya generasi muda.

Apa yang terkandung dalam manifesto PH bukanlah perkara baharu. Namun ia tidak menarik hati rakyat sebelum ini kerana watak-watak yang berjanji tidak mempunyai kredibiliti seperti Mahathir.

Tanpa watak Mahathir, Manifesto PH tidak ubah seperti manuskrip drama Hishamuddin Rais yang seronok dibaca tetapi tidak menarik sokongan rakyat rasional.

Beberapa hari sebelum pilihan raya umum lalu menderu anak-anak muda balik membawa harapan besar untuk mendapat pelbagai faedah dari manifesto PH.

Mereka dijanjikan Dr Mahathir sebuah negara tanpa tol, tanpa hutang PTPTN, pendidikan percuma, harga petrol diturunkan sehingga RM1.50, harga barang diturunkan dengan pemansuhan GST, Kos sara hidup akan diturunkan, gaji akan dinaikkan, hutang peneroka Felda dilupuskan dan tiada lagi lantikan politik dalam agensi penguatkuasaan.

Maka apabila fajar 9 Mei 2018 terbit berbondonglah anak muda dan ibu bapa mereka mengundi PH untuk sebuah janji negara fatarmogana.

Realitinya, tanpa watak Mahathir, agak sukar untuk PH memenangi PRU-14.

REALITI BUAT MAHATHIR

Kemenangan PH dalam PRU-14 menyelamatkan Mahathir. Musuh-musuh politik menjulang beliau sebagai adiwira baharu. Mahathir untuk Malaysia.

Dari nama besar seperti Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang, Wan Azizah, Lim Guan Eng dan Mohd Sabu sehinggalah kepada 'kaki pukul' Mahathir sejak berdekad lamanya seperti Bar Council, Malaysiakini, Hishamuddin Rais dan kartunis Zunar; semuanya mengangkat Mahathir sebagai penyelamat negara.

Namun keperwiraan Mahathir untuk Malaysia baharu tidak lama. Mahathir berhadapan dilema besar dalam menguruskan kehendak pendokong dan penyokong baharunya.

MANIFESTO PAKATAN HARAPAN

Manifesto PH adalah antara dilema terbesar Mahathir. Ia bukan sahaja tidak dapat dilaksanakan, malah bertentangan dengan idea-idea pentadbiran Mahathir yang tidak 'favour' kepada polisi-polisi 'memanjakan' rakyat.

Mahathir bukanlah seorang yang cenderung kepada idea ekonomi kebajikan dan melindungi masyarakat pribumi terutama orang Melayu.

Sejak berdekad lalu sudah terlalu kerap beliau menentang dan membentak perlindungan kepada Bumiputera. Malah dalam suatu masa beliau pernah berucap mengingatkan orang Melayu akan menjadi seperti 'Red Indian' jika masih berbicara soal perlindungan pribumi oleh kerajaan.

Namun Mahathir ketika itu tiada pilihan. Beliau tidak boleh terlalu ke hadapan membuat perubahan kerana ada kawalan oleh ahli-ahli UMNO. Sungguhpun beliau berpengaruh namun beliau bakal berhadapan cabaran yang besar jika cuba mengugut kedudukan Islam dan Melayu.

Dulu Mahathir diasuh, dididik dan dikawal oleh idea-idea aliran sederhana UMNO yang mementingkan kedudukan Islam dan masyarakat bawahan.

Mahathir melaksanakan ekonomi kebajikan kerana saban tahun Perhimpunan Agung UMNO akan mendesak kerajaan mengambil berat dan prihatin kepada kebajikan rakyat miskin dan kedudukan Islam. Untuk popular di dalam UMNO beliau perlu akur.

Bukan sekali dua Mahathir mengkritik pemberian subsidi dan bantuan. Namun beliau tidak boleh berbuat apa-apa kerana tangan beliau terikat dengan kehendak UMNO dan rakyat.

Dalam pemikiran Mahathir hidup ini soal pancing dan ikan sahaja. Rakyat perlu diberi pancing bukan ikan adalah mantera Mahathir sejak berdekad lamanya. Banyak kali beliau menggunakan perumpamaan ini untuk mencebik pemberian subsidi semasa pentadbiran beliau mahu pun ketika pentadbiran Perdana Menteri Keenam, Mohd Najib Razak.

Malah beliau menganggap Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai rasuah politik dan tidak bagus kepada ekonomi negara.

Justeru apabila menang dan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri, Mahathir mengisytiharkan

manifesto PH sukar dilaksanakan dan dibuat ketika mereka tidak yakin akan menang.

Dalam ucapan beliau tahun lalu, Mahathir berkata, insentif dan subsidi adalah tidak baik bagi rakyat Malaysia, mereka kemungkinan boleh hilang keupayaan untuk berfikir satu hari nanti jika terus bergantung kepada bantuan seumpama.

Perdana Menteri berkata, sikap bergantung kepada insentif adalah salah, lebih diburukkan lagi ia diamalkan oleh kerajaan sebelum ini.

“Inilah yang dilakukan oleh kerajaan sebelum ini. Mereka beri wang kepada rakyat, anda tidak perlu bekerja. Tidak bekerja pun anda boleh dapat RM500.

“Jika rakyat Malaysia menjadi seperti ini, tidak lama lagi mereka tidak boleh berfikir, malah tidak mampu bergerak, tidak mampu berbuat sesuatu dengan sendiri kerana mereka akan selalu menunggu subsidi.” – **Utusan Online, 31 Oktober 2018**

Maka Mahathir sekarang berhadapan dengan tentangan kumpulan anak muda yang *non-partisan*. Mereka merasa kecewa dan marah dengan janji palsu PH.

Mereka berhempas pulas menghasut orang tua dan pulang mengundi di kampung dengan harapan tinggi menggunung – negara tanpa PTPTN, tanpa tol, harga petrol semurah RM1.50 dan gaji yang tinggi. Kini yang mereka dapat ialah lebih ramai orang kehilangan pekerjaan, hutang tidak dihapuskan, tol masih gah berdiri, bantuan rakyat miskin dikurangkan.

ISLAM DAN BUMIPUTERA

Selain kehilangan sokongan orang muda, Mahathir juga sedang berhadapan dengan kekecewaan masyarakat Islam. Sebelum PRU-14 ramai tokoh dan pemimpin Islam yang berkempen menyokong Mahathir, bukannya PKR, DAP dan Hindraf (*Hindu Rights Action Force*).

Sungguhpun tidak percaya kepada DAP dan PKR, kumpulan ini menjual lirik Mahathir boleh mengawal DAP, PKR dan Hindraf. Mereka meletak kepercayaan kepada seorang individu yang mereka nilai atas sejarahnya, bukan siapa rakannya.

Selepas menang Mahathir mengorbankan beberapa jawatan penting kepada DAP. Ini termasuklah Menteri Kewangan dan Peguam Negara Malaysia. Malahan jawatan Ketua Hakim Negara juga diberikan kepada bukan Islam.

Walaupun menghormati perkongsian kuasa dan negara majmuk, majoriti orang Islam di negara ini percaya jawatan-jawatan utama seperti Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Ketua Polis Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Hakim Negara dan Peguam Negara perlu diutamakan kepada orang Islam.

Rupanya kerajaan Mahathir bukan sahaja dikuasai oleh DAP dan Hindraf tetapi juga para menteri Islam yang berbeza pandangan dan pemahaman dengan majoriti umat Islam.

Justeru apabila kerajaan mengumumkan untuk meratifikasikan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD), rakyat beragama Islam bangun menentang secara besar-besaran.

Kerajaan terpaksa membatalkan hasrat untuk meratifikasikan ICERD, namun komen beberapa orang Menteri sudah cukup melukakan hati umat Islam.

Baru habis isu ICERD, terbongkar pula kerajaan telah menandatangani *Statut Rome* tanpa mendapat pandangan orang Islam dan Majlis Raja-Raja. Sekali lagi kerajaan berhadapan tekanan kuat rakyat sehingga terpaksa menarik diri.

Masyarakat Islam melihat Mahathir terlalu bertolak ansur dengan DAP untuk kekal berkuasa apabila membenarkan para menteri membuat komen-komen yang tidak sepatutnya kepada pendakwah terkenal Dr Zakir Naik.

Dilema terbesar Mahathir ialah beliau terpaksa melantik pemimpin politik yang mempunyai personaliti lemah, tiada kelayakan dan jahil dalam ilmu pengurusan kerajaan sebagai Menteri, Timbalan Menteri dan pemegang jawatan utama dalam kerajaan.

Maka banyaklah keputusan, percakapan dan tingkah laku para menteri dan penasihat mereka menyakitkan hati rakyat terutama orang Islam. Mahathir pula seolah-olah sudah tidak peduli semua itu atau tidak menyedari apa yang berlaku.

Apa yang nampak hari ini aura Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin masyarakat Islam dan orang Melayu telah beransur-ansur pudar. Jika tidak diuruskan dengan baik sejarah mungkin akan menghakimi beliau dengan kejam kali ini.

DILEMA MAHATHIR

Catatan-catatan ini bukanlah bersifat analisis sains politik yang menghurai dilema dalaman Tun Dr Mahathir Mohamad. Ia lebih merupakan pemerhatian dan kritikan terhadap pentadbiran kerajaan hari ini.

Kelemahan dan kegagalan dalam pentadbiran negara hari ini adalah satu dilema kepada "Maverick Mahathir" yang sebelum ini terkenal sebagai Perdana Menteri terulung, negarawan terhebat dan ahli politik luar biasa.

Harga: RM35.00

ISBN 978-967-17646-1-9



9 789671 764619 >



Khutubkata